

**PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA,
WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.
TELEFON: 04-9171212 / 04-9171216 TELEFAX: 04-9176473**

**NOTIS TENDER:
BEKALAN**

TENDER NO. MADA(T)/BME/P/2/2025

1. Tender daripada petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah:

i. **110201** (Jentera Berat)

akan diterima di **PEJABAT BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA, WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** hingga tutup tawaran jam **12.00** tengah hari pada **30 OKTOBER 2025 (KHAMIS)** untuk:-

No. Kontrak	Tajuk	Lawatan Tapak	Kod Bidang
MADA(T)/BME/ P/2/2025	Membekal, Menghantar, Menguji Dan Menjayajalankan 2 Unit Jentera Berat Pelbagai Jenis Bagi Program Mekanisasi Dan Automasi Agromakanan MADA Tahun 2025.	Tiada Lawatan Tapak	110201 (Jentera Berat)

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran Tender boleh dibeli dengan harga **RM 50.00 setiap naskah** di pejabat seperti alamat di atas, mulai **7 OKTOBER 2025 (SELASA)** sehingga **30 OKTOBER 2025 (KHAMIS)** pada waktu dan hari bekerja. Setiap bayaran hendaklah dibuat secara **Kiriman Wang / Wang Pos / Deraf Bank / Pembayaran Secara Atas Talian** atas nama **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA**. Bayaran secara **Wang Tunai** atau dengan **Cek TIDAK AKAN DITERIMA**.
3. Petender yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama **SURAT PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dan **SURAT AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA** (jika berkaitan) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat dan akuan pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan dokumen tender. Bagi mana-mana petender yang namanya tiada di dalam surat-surat pendaftaran diatas, perlulah mengemukakan **Surat Lantikan Wakil Syarikat** yang sah sebagai bukti untuk mengambil bahagian di dalam tawaran ini.

4. Petender mestilah mengemukakan **TAWARAN HARGA** dan **TAWARAN TEKNIKAL** di dalam **DUA (2) SAMPUL SURAT BERASINGAN YANG BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **SATU (1) SAMPUL SURAT UTAMA BERLAKRI** dengan menulis nombor tender tersebut pada ketiga-tiga sampul surat tersebut, kemudian dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** yang disediakan di pejabat seperti alamat di atas, sebelum daripada waktu tutup penerimaan tender ini.
5. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran. Pihak MADA juga tidak terikat untuk menerima hanya SATU (1) tawaran petender bagi kesemua item, tawaran boleh diterima dari petender yang berlainan mengikut item yang berlainan di dalam tawaran tender.



Mr. Ts. MOHD FADZIL BIN MAT DESA
Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).